

Rakyat orang tengah terbaik nilai isu PM, Dr. Mahathir

KEPALA BATAS 12 Julai - Rakyat adalah 'orang tengah' terbaik dalam menilai isu yang timbul antara Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad termasuk pelaksanaan konsep Islam Hadhari.

Setiausaha Biro Agama UMNO, Datuk Othman Desa berkata, ini kerana rakyat secara umumnya memahami dasar kerajaan sedia ada dan pelaksanaannya terbukti mengambil kira kepentingan rakyat dalam meneruskan pembangunan negara.

"Bagi saya isu dan kritikan Dr. Mahathir tidak memberi apa-apa masalah kepada kerajaan atau UMNO kerana rakyat boleh menilainya dengan betul," katanya yang juga Setiausaha Politik Perdana Menteri kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini hari ini.

Othman berkata, pendekatan Islam Hadhari bukan sahaja diterima oleh kerajaan dan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) malah dikagumi oleh masyarakat Islam di negara lain dalam usaha memajukan umat Islam.

"Konsep ini diakui oleh ulama luar negara termasuk Sheikh al-Azhar dari Mesir, Prof. Dr. Muhammad Sayyed Tantawi sebagai amat relevan mengikut kesesuaian semasa.

"Kritikan terhadap konsep ini adalah tidak wajar kerana ia sebenarnya kesinambungan daripada dasar 'Penerapan Nilai-Nilai Islam' yang diperkenalkan kerajaan di bawah kepimpinan Dr. Mahathir," jelasnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, ia adalah sebahagian elemen penting untuk memastikan Misi Nasional, pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan status negara maju tercapai menjelang tahun 2020.